

Portugis boleh sertai UMNO

KUALA LUMPUR 6 Mac
— Majlis Tertinggi
UMNO yang bermesyua-
rat hari ini membuat ke-
putusan untuk membuka
pintu keahlian kepada ke-
turunan Portugis.

Bagaimanapun, Presi-
dennya, Dato' Sri Dr. Ma-
hathir Mohamad berkata,
penentuan kaum ini se-
bagai ahli UMNO hanya
akan ditentukan selepas
Persatuan Sejarah Mela-
ka membuat keputusan
sama ada keturunan ini
boleh diiktiraf sebagai bu-
miputera atau tidak.

"Jika penyelidikan
membuktikan mereka ini
adalah bumiputera, maka
pintu keahlian UMNO
terbuka untuk mereka,"
katanya dalam sidang ak-
hbar selepas mempenge-
rusikan mesyuarat itu di
ibu pejabat UMNO di sini,
hari ini.

Kedua

Penerimaan keturunan
Portugis ini merupakan
kaum kedua dari bukan
Melayu menjadi ahli
UMNO.

Sebelum ini, rakyat Sa-
bah telah diterima menja-
di ahli UMNO.

Dr. Mahathir juga ber-
kata, dalam mesyuarat
MT kali ini, beliau juga
telah memberi penjelasan
kepada ahli-ahli MT me-
ngenai perubahan kepada
pindaan perlembagaan
yang akan dibahaskan di
Dewan Rakyat dan De-
wan Negara selama tiga
hari mulai Isnin ini.